

Jasni Matlani ketua 20 penulis menang hadiah Peraduan Menulis Esei Hari Kebangsaan

KOTA KINABALU: Penulis tempatan yang tidak asing lagi, Jasni Matlani mengetuai 20 penulis yang mewakili pelbagai kategori umur, empat daripadanya Siti Kamariah Lusin, Khayrul Apri Amso Suis dan Maltilah Kekijin menang hadiah utama Peraduan Menulis Esei Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-46 peringkat negeri.

Jasni menang peraduan bagi kategori awam, menerima hadiah wang tunai RM1,000 sijil, baucar buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bernilai RM100. Tempat kedua dan ketiga bagi kategori ini ialah Nor Aslam Mano Abdullah dan Doris Yanga, menerima hadiah wang tunai RM750 dan RM500, sijil dan baucar DBP RM100. Dua lagi pemenang sagu hati ialah Harliana Mohd Arifin dan Wong Chen Kee @ Bernard.

Siti Kamariah daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) pula menang kategori institusi pengajian tinggi, menerima hadiah wang tunai RM1,000, sijil dan baucar DBP RM100. Tempat kedua dan ketiga ialah Sanisah Ag Dullah (KIK), Erna Selvester (MPG). Manakala Mustafah Mustam (UITM) dan Hennie Maiting (UMS) adalah penerima saguhati.

Khayrul Apri pula menang kategori sekolah menengah atas menerima hadiah wang tunai RM500, sijil dan baucar DBP RM100. Tempat kedua dan ketiga ialah Angelina Beh EE Lee (SMK Sung Siew, Sandakan) dan Mohd Rozilee Wazir (SM La Salle, KK) menerima hadiah RM300 dan RM200 berserta sijil dan baucar DBP RM100. Pemenang sagu hati ialah Chelsea Jerus (SMK Arshad Kota Belud) dan Lannie Felecity Norman (SM St Michael, Penampang).

Sementara itu, Maltilah Kekijin pula menang kategori menengah rendah menerima hadiah wang tunai RM300, sijil dan baucar DBP RM100. Tempat kedua dan ketiga ialah Tracie Marcus J (SM St Michael, Penampang) dan Selmah Abd Manaf (SM Stella Maris), masing-masing menerima hadiah RM200 dan RM100, sijil dan baucar DBP RM100. manakala Kok Kimloong (SM La Salle, KK) pemenang sagu hati.

Pemenang sagu hati menerima sijil dan baucar DBP RM100 dan RM50.

Semua pemenang menerima hadiah daripada Menteri Pembangunan Infrastruktur Datuk Yahya Hussin. Turut hadir ialah Timbalan pengarah Jabatan Pendidikan negeri Datuk Dr Hamdan Mohammed.

Ketika berucap, Yahya berkata masyarakat perlu mengamalkan budaya membaca kerana ia boleh dilakukan di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat dan masa.

Katanya, membaca bukan saja membolehkan mereka memperolehi pelbagai maklumat, tetapi bagi mereka yang memiliki bakat penulisan dapat membantu menghasilkan karya yang baik.

"Dengan sendirinya minat membaca dan menulis itu akan mendorong kita bijak menggunakan masa termasuk merancang jadual untuk menentukan masa yang sesuai untuk membaca, menulis dan bekerja," katanya.

Dalam hubungan ini, beliau berkata berdasarkan manfaat menghasilkan karya, orang ramai terutama yang memiliki bakat perlu menyertai pertandingan menulis esei ataupun penulisan ilmiah.

Sementara itu, Dr Hamdan berkata kira-kira 350 peserta daripada pelbagai kategori awam dan pelajar sekolah menengah dan IPTS menyertai peraduan tahun ini.

"Esei yang dihasilkan adalah untuk memantapkan daya intelektual di kalangan penulis, termasuk menghayati erti kemerdekaan negara," katanya. - **Oleh Yatim Taubatal Andam**